



**KENYATAAN MEDIA
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS BIODIVERSITI NEGARA

22 MAC 2023

1. Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Biodiversiti Negara (MBN1) pada 22 Mac 2023. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 8 orang YB Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan serta YAB Menteri Besar Perak, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Sarawak; dan 11 orang Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia.
2. Majlis Biodiversiti Negara (MBN) merupakan platform utama bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri membincangkan hala tuju dan strategi biodiversiti di peringkat kebangsaan.
3. Sebanyak 3 Kertas Pertimbangan dan 4 Kertas Makluman yang merangkumi inisiatif konservasi biodiversiti di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah dibentangkan dan MBN1 bersetuju dengan Terma Rujukan Majlis Biodiversiti Negara; penyelarasan *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* ke dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025; dan penubuhan Pusat Biodiversiti Malaysia (*Malaysia Biodiversity*

Centre - MBC) sebagai badan berkanun bagi meningkatkan pengurusan biodiversiti negara.

4. MBN1 turut mengambil maklum mengenai status konflik manusia dan hidupan liar di Semenanjung Malaysia; cadangan usaha konservasi spesies pokok Gelam (*Melaleuca cajuputi*); pelaksanaan akses dan perkongsian faedah di Sabah; dan projek *Sarawak Reef Ball*.
5. MBN1 menekankan kepentingan mengarusperdana pengurusan biodiversiti melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*). Keputusan MBN1 ini seterusnya akan dibentangkan untuk pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri.
6. Saya telah berkesempatan menanam pokok Cempaka Hutan (*Gardenia carinata*) di laman Kompleks Parlimen Malaysia sebagai simbolik dan tanda sokongan kepada usaha pemuliharaan biodiversiti negara sempena Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun.
7. Saya juga telah melancarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) bagi menghubungkan, mengekalkan dan memelihara serta memulihara kawasan-kawasan hutan yang terpisah di Semenanjung Malaysia di kawasan *Central Forest Spine* (CFS).
8. Saya yakin kesepakatan dalam mengukuhkan pengurusan biodiversiti negara melalui MBN akan meningkatkan lagi imej dan reputasi negara dalam pengurusan biodiversiti yang akan menjadi

senjata ampuh dalam mematahkan kempen-kempen negatif yang dibuat oleh pihak luar bagi mencemar nama baik negara khususnya apabila menyentuh mengenai sektor perladangan dan komoditi negara.

DATO' SRI FADILLAH BIN YUSOF
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI
PERLADANGAN DAN KOMODITI
22 MAC 2023